



28 APR, 2026

Kenaikan harga gas tidak jejas sektor tenaga

Sinar Harian, Malaysia



Kenaikan harga gas tidak jejas sektor tenaga

KESAN kenaikan harga gas terhadap sektor tenaga adalah minimum kerana gas tanpa subsidi yang paling dipengaruhi dengan minyak mentah Brent hanya merangkumi sembilan peratus daripada jumlah keseluruhan kos penajaan bahan api di Malaysia, menurut RHB Investment Bank Bhd (RHB IB).

RHB IB dalam satu nota penyelidikan menyatakan bahawa harga gas Tahap-2 bersandarkan kepada 15 peratus daripada harga minyak mentah Brent.

"Kami menganggarkan bahawa setiap pergerakan harga minyak mentah Brent sebanyak AS\$10 setong hanya akan memberi kesan kepada kadar pelarasan bahan api automatik (AFA) sebanyak 0.01 sen.

"Selain itu, harga arang batu, membentuk kira-kira 60 peratus daripada kos bahan api, mempunyai impak lebih tinggi terhadap pelarasan tarif dan mengunjurkan bahawa harga arang batu perlu mencecah AS\$180 satu tan untuk menghasilkan surcaj AFA tiga sen," katanya.

Bank pelaburan itu menyatakan bahawa kesan kenaikan harga tenaga ke atas TNB dan pengeluar tenaga lain adalah minimum kerana ia disalurkan kepada pengguna melalui mekanisme AFA bulanan.

RHB IB memaklumkan bahawa pihaknya memilih sektor tenaga sebagai sektor defensif sekiranya konflik Asia Barat berterusan dan mencetuskan mod pengelakan risiko dalam pasaran.

Syarikat utiliti besar seperti Tenaga Nasional (TNB) dan Petronas Gas mempunyai pendedahan minimum kepada risiko bukan domestik (kos bahan api, operasi bukan domestik, kos bahan api dikawal selia dan pertukaran asing), manakala rangka kerja dikawal selia menyediakan pendapatan yang stabil dengan hasil dividen empat hingga lima peratus.

Sementara itu, YTL Power berpotensi mendapat manfaat daripada harga gas yang lebih tinggi, mengekalkan saranan overweight terhadap sektor tersebut. - *Bernama*